**2019 KEMPEN TAHUN BARU CINA: PROMOSI HONG LEONG BANK CNY POWERLINK PELABURAN DAN DEPOSIT TETAP**

Dikemaskini pada 17 Januari 2019

**TEMPOH PROMOSI**

"Promosi Hong Leong Bank CNY Powerlink Pelaburan dan Deposit Tetap" ("Promosi") Hong Leong Bank Berhad (97141-X) ("**HLB**") bermula pada 22 Januari 2019 dan berakhir pada 28 Februari termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen"), melainkan diberitahu sebaliknya melalui penyiaran dalam laman web HLB di www.hlb.com.my ("**Laman Web HLB**").

**TERMA & SYARAT**

**Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:-**

**KELAYAKAN**

1. **Promosi** terbuka untuk penyertaan oleh seluruh Pelanggan HLB individu ("**Pelanggan HLB**") yang merupakan permastautin warga Malaysia dan bukan warga Malaysia terdiri daripada kategori berikut ("**Kategori Pelanggan**"):-

    a) Pelanggan Perbankan Persendirian **("PV")** sedia ada dan / atau baharu;
    b) Pelanggan Perbankan Prioriti **("PB")** sedia ada dan / atau baharu

    melainkan diberitahu sebaliknya.

2. Pelanggan PV dalam konteks ini bermaksud Pelanggan HLB yang telah memenuhi kriteria kelayakan Keahlian Perbankan Persendirian ("Keahlian PV"). Keahlian PV bermaksud gabungan Aset Cair dan/atau Pelaburan berjumlah Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000.00) atau apa-apa amaun lain yang akan ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa. Bagi tujuan di dalam ini, istilah "Aset Cair" bermakna segala jumlah wang yang ada dalam kredit mana-mana Akaun Deposit Tetap ("FD"), Akaun Semasa & Akaun Simpanan dan/atau Akaun Mata Wang Asing dengan HLB dan istilah "Pelaburan" bermaksud amaun pokok pelaburan dalam mana-mana Dana Unit Amanah ("UT"), Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung ("FRNID") dengan HLB pada bila-bila satu masa. Akaun Semasa Mortgage Plus dan Pinjaman Fleksi Super Easi 123 dikecualikan sebagai sebahagian Aset Cair untuk menjadi kriteria kelayakan Pelanggan PV.Pelanggan PV baharu bermaksud Pelanggan HLB yang telah menyertai Keahlian PV semasa Tempoh Promosi.

3. Pelanggan PB dalam konteks ini bermaksud Pelanggan HLB yang telah memenuhi kriteria kelayakan Keahlian Perbankan Prioriti ("Keahlian PB"). Keahlian PB bermaksud gabungan Aset Cair

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:
PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

dan/atau Pelaburan berjumlah Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000.00) atau apa-apa amaun lain yang akan ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa. Bagi tujuan di dalam ini, istilah "Aset Cair" bermakna segala jumlah wang yang ada dalam kredit mana-mana Akaun Deposit Tetap ("FD"), Akaun Semasa & Akaun Simpanan dan/atau Akaun Mata Wang Asing dengan HLB dan istilah "Pelaburan" bermaksud amaun pokok pelaburan dalam mana-mana Dana Unit Amanah ("UT"), Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung ("FRNID") dengan HLB pada bila-bila satu masa. Akaun Semasa Mortgage Plus dan Pinjaman Fleksi Super Easi 123 dikecualikan sebagai sebahagian Aset Cair untuk menjadi kriteria kelayakan Pelanggan PB. Pelanggan PB baharu bermaksud Pelanggan HLB yang telah menyertai Keahlian PB semasa Tempoh Promosi.

4. Apabila terdapat lebih daripada satu (1) pemohon Keahlian PV/PB, maka akaun bersama mestilah dibuka. Pemegang akaun bersama yang namanya mula-mula tertera dalam rekod HLB adalah pemegang akaun utama **("Pemegang Akaun Utama")** manakala pemegang akaun bersama yang seorang lagi adalah pemegang akaun kedua ("**Pemegang Akaun Kedua**")

**<u>MEKANIK PROMOSI</u>**

5. Untuk menyertai **Promosi**, **Pelanggan HLB** dikehendaki semasa Tempoh Kempen untuk melaksanakan dan memenuhi syarat/kriteria berikut seperti yang dipaparkan dalam jadual 1 dan 2 di bawah supaya layak menikmati Kadar FD Promosi:
   i. melabur amaun pelaburan minimum dalam mana-mana UT atau FRNID yang terpilih (seperti tersenarai dalam Lampiran 1 yang disertakan bersama ini) (secara kolektif disebut sebagai "**Pelaburan Terpilih**"); dan
   ii. meletak FD ke dalam akaun FD yang baharu dibuka atau sedia ada untuk tempoh maksimum 2 bulan ("Tempoh") dengan amaun peletakan FD maksimum
      a) sebanyak 1 kali (1x) Amaun Pelaburan dalam UT ("**Powerlink FD**"); atau
      b) Sebanyak 0.5 kali (0.5x) Amaun Pelaburan dalam FRNID ("**Powerlink FD**")

**Jadual 1: Amaun Pelaburan Minimum bagi UT**

| Amaun Pelaburan Minimum | Caj Jualan UT Minimum | Pelaburan: Nisbah FD | Amaun FD Maksimum | **Kadar FD Promosi untuk Pelabur sediaada** | **Kadar FD Promosi untuk Akaun Pelaburan Baru** |
|---|---|---|---|---|---|
| RM50,000 | 3.00%* | 1:1 | Sehingga 1 kali Amaun Pelaburan dan tidak lebih daripada RM5,000,000 | FD 2-bulan pada 8.88% setahun. | FD 3-bulan pada 8.00% setahun. |

** 3.00% merujuk kepada caj jualan UT minimum yang terpakai kepada dana UT sertaan yang dilanggani Pelanggan PV/PB.*

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:
PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

**Jadual 2: Amaun Pelaburan Minimum bagi FRNID**

| Amaun Pelaburan Minimum | Caj Jualan UT Minimum | Pelaburan: Nisbah FD | Amaun FD Maksimum | **Kadar FD Promosi untuk Pelabur sediaada** | **Kadar FD Promosi untuk Akaun Pelaburan Baru** |
|---|---|---|---|---|---|
| RM100,000 | Tidak berkenaan | 2:1 | Sehingga 0.5 kali Amaun Pelaburan dan tidak lebih daripada RM5,000,000 | FD 2-bulan pada 8.88% setahun. | FD 3-bulan pada 8.00% setahun. |

** 3.00% merujuk kepada caj jualan UT minimum yang terpakai kepada dana UT sertaan yang dilanggani Pelanggan PV/PB.*

**6.** Kadar FD Promosi untuk Pelabur sediaada merupakan 2-bulan pada 8.88% setahun. Bagi mengelakkan keraguan, Pelabur sediaada adalah akaun UT dan/atau FRNID yang dibuka sebelum Tempoh Kempen.

**7.** Kadar FD Promosi untuk Pelabur baru merupakan 3-bulan pada 8.00% setahun. Bagi mengelakkan keraguan, Pelabur baru adalah akaun UT dan/atau FRNID yang dibuka dalam Tempoh Kempen ("**NIA**").

8. NIA bermaksud Akaun baharu UT dan/atau Akaun FRNID dibuka dengan HLB oleh pemegang akaun PV/PB utama semasa Tempoh Promosi. Bagi mengelakkan keraguan:
   a) Bagi akaun pelaburan bersama baharu dibuka semasa Tempoh Kempen dengan pemegang akaun utama dan/atau kedua yang sedia ada, akaun itu bukanlah NIA.
   b) Bagi akaun pelaburan individu baharu yang dibuka semasa Tempoh Kempen oleh pemegang akaun utama atau kedua yang sedia ada, akaun itu bukanlah NIA.

9. Bagi mengelakkan keraguan, untuk membolehkan Pelanggan HLB menikmati Kadar FD Promosi di atas ini:
   a. Peletakan amaun pelaburan bagi Pelaburan Terpilih dan Powerlink FD hendaklah dilakukan serentak pada hari yang sama semasa Tempoh Kempen; dan
   b. Amaun FD Powerlink maksimum hendaklah diletak serentak dengan Pelaburan Terpilih diungkapkan sebagai nisbah kepada amaun Pelaburan Terpilih dan tidak lebih daripada RM5,000,000.
   c. Kadar FD Promosi terpakai kepada Dana Baharu sahaja (seperti ditakrif dalam Fasal 9).

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:
PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

10. Dana Baharu ditakrif sebagai:
    a. Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam akaun FD sedia ada atau baharu Pelanggan PB; dan
    b. Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Promosi yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA HLB.

11. Yang berikut ini tidak boleh dianggap "Dana Baharu":
    a. FD yang matang atau pengeluaran pramatang FD daripada mana-mana akaun FD/akaun Deposit Tetap-i ("FD-i") HLB / HLISB yang sedia ada;
    b. Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun HLB / HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan/i dan/atau Akaun Semasa/i (CASA dan/atau CASA-i), FD, FD-i atau Akaun Pelaburan Am ("GIA"); dan
    c. Pindahan antara cawangan di dalam Bank termasuk pindahan akaun pihak ketiga (ke-3).

12. Pelanggan HLB baharu dikehendaki membuka akaun FD baharu dengan HLB semasa Tempoh Kempen (jika Pelanggan HLB tidak mempunyai akaun FD yang sedia ada) untuk membolehkannya memenuhi keperluan ini.

13. Pelanggan HLB yang telah menunaikan dan memenuhi keperluan seperti dinyatakan dalam Fasal 5 ke 9 di atas akan disebut "Pelanggan Powerlink Layak" bagi tujuan **Promosi**.

14. Pelanggan Powerlink Layak dikehendaki menamakan satu Akaun CASA yang diselenggarakan dengan HLB yang seharusnya atas nama semua Pelanggan Powerlink Layak ("CASA Namaan") untuk tujuan mengkreditkan faedah yang diperolehi di bawah Promosi ini. Faedah FD yang diperolehi hendaklah dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Powerlink Layak pada tarikh matang Tempoh. Tokokan faedah kepada Jumlah Pokok FD tidak dibenarkan.

15. Pada tarikh matang, FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar FD konvensional semasa.

16. Menurut Fasal 17, Pengeluaran separa FD dalam kalian Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000) adalah dibenarkan sekiranya dalam tempoh FD konvensional, manakala jumlah FD hendaklah berkekal pada minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga FD menepati tarikh matang.

17. Sekiranya Amaun FD dikeluarkan sebelum tarikh matang, tiada faedah akan dibayar atas amoun separa FD yang dikeluarkan dan amoun FD yang dikeluarkan sebelum tarikh matang.

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:
PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:
PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

18. Pengeluaran FD, sama ada sebelum atau selepas tarikh matang Tempoh, hanya boleh dibuat di cawangan asal bank, yakni tempat cawangan peletakan FD itu dibuat.

19. Tarikh tempahan UT hendaklah dianggap sebagai tarikh peletakan UT bagi produk-produk UT Terpilih dalam Pelaburan Terpilih

20. Tarikh niaga FRNID hendaklah dianggap sebagai tarikh peletakan FRNID bagi produk-produk FRNID terpilih dalam Pelaburan Terpilih.

21. Peletakan FD dan Amaun Pelaburan dalam Pelaburan Terpilih mestilah dibuat pada hari yang sama dan tidak boleh dikumpulkan daripada hari-hari yang berbeza.

22. Pemegang Akaun Utama (seperti menurut Fasal 159 di atas) bagi Pelaburan Terpilih dan juga akaun FD mestilah di bawah nama Pelanggan Powerlink HLB yang sama.

23. HLB berhak meminda dana-dana sertaan Pelaburan Terpilih yang disenaraikan dalam Lampiran 2 dari semasa ke semasa dalam Tempoh Promosi.

24. Pelanggan Powerlink Layak adalah bertanggungjawab dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang boleh dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.

25. FD **tidak** boleh digunakan sebagai sandaran bagi tujuan mendapatkan apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Powerlink Layak.

26. Jika sekiranya Pelanggan Powerlink Layak menggunakan hak bertenang Unit Amanah mereka atau sebarang transaksi Pelaburan Terpilih ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas apa jua sebab sekalipun, maka Pelanggan Powerlink Layak TIDAK berhak menikmati Kadar FD Promosi Powerlink sepeti disyaratkan dalam jadual yang dipaparkan dalam Fasal 5 di atas. Dengan itu dana-dana yang diletak dan didepositkan dalam akaun FD akan ditarik balik dan tiada faedah akan dibayar menurut Fasal 17.

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:
PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

**PROMOSI PELANGGAN TERAWAL**

27. Sebanyak enam puluh lapan (68) Pelanggan Powerlink Layak yang terlah menyertai Promosi dengan minimum amoun pelaburan berjumlah Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,00) ke dalam Pelaburan Terpilih akan menerima baucer hadiah AEON bernilai Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lapan Puluh (RM380) ("**Hadiah Pelanggan Terawal**").

28. Untuk megelakkan keraguan, minimum amoun pelaburan hendaklah dalam satu transaksi dan tidak boleh dikumpul dengan transaksi pelaburan yang lain oleh Pelanggan HLB yang sama.

29. Hadiah Pelanggan Terawal adalah terhad kepada 68 unit sahaja dan merujuk kepada Pelanggan HLB yang menuruti kriteria kempen palaing awal. Setiap Pelanggan HLB yang layak untuk Hadiah Pelanggan Terawal boleh menikmati satu (1) unit Hadiah Pelanggan Terawal sahaja.

30. Hadiah Pelanggan Terawal adalah merujuk kepada tarikh transaksi Pelaburan Terpilih yang direkodkan dalam sistem HLB. Sekiranya terdapat kes dengan tarikh yang sama, Pelanggan HLB yang mempunyai jumlah Aset Cair dan/atau Pelaburan yang lebih tinggi akan dianggap sebagai Pelanggan layak untuk Hadiah Pelanggan Terawal ("**Pelanggan Layak**").

31. Pelanggan Layak akan dihubungi secara panggilan dari HLB tidak melebihi 31 March 2019 untuk dimaklumkan sebagai Pelanggan layak.

32. Pelanggan layak berwajib memberi informasi yang tepat (i.e. nombor telefon bimbit atau talian rumah, e-mail dan alamat rumah) supaya dihubungi oleh HLB dan HLB tidak bertanggungjawab jika Pelanggan Layak tidak boleh dihubungi atas sebagai alasan.

33. Pelanggan layak akan menerima Hadiah Pelanggan Terawal dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tempoh Kempen ("**Tarikh Pemenuhan**").

34. Sekiranya Pelanggan layak tidak menerima Hadiah Pelanggan Terawal dalam Tarikh Pemenuhan, Pelanggan layak hendaklah menhubung HLB berkenai ketidak menerima Hadiah Pelanggan Terawal dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Pemenuhan. Jika HLB tidak menerima sebarang nyata dalm tempoh tersebut, Pelangga Layak adalah dikena telah menerima Hadiah Pelanggan Terawal dan sebarang pernyataan untuk pembayaran balik tidak akan dilayan.

35. Terma dan syarat memohon kepada baucher hadiah AEON oleh AEON CO. (M) BHD ("12696_H") ("**Baucher Hadiah AEON**"). Untuk senarai Terma dan syarat yang tersedia, sila layari laman web AEON website melalui pautan URL ini: http://www.aenretail.com.my/agv/

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:
PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

**TRANSAKSI PRODUK PELABURAN**

36. Pelaburan dalam Dana UT terpilih dalam Pelaburan Terpilih menggunakan dana yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("**KWSP**") tidak dibenarkan.

37. Semua terma dan syarat dan peraturan mengenai transaksi Pelaburan Terpilih akan dikenakan.

38. Terma dan syarat mengenai transaksi dan produk UT bagi Pelaburan Terpilih diperincikan dalam Prospektus terkini dan Prospektus Tambahannya (jika ada) yang telah sempurna didaftarkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang akan ditadbir dan dikawal selia menurut Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (seperti dipinda) serta garis panduan dan arahan berkaitan yang dilkeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan.

39. **Penafian Unit Amanah:** Dokumen ini bukan bertujuan sebagai pelawaan atau tawaran untuk melanggan unit amanah dan ia bukan penawaran oleh **HLB** untuk mendapatkan langganan unit amanah daripada sesiapa. Pelabur dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan prospektus yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya, sebelum melabur. Salinan prospektus boleh diperolehi daripada mana-mana cawangan kami atau pejabat Pengurus Dana. Sebarang terbitan unit yang berkaitan dengan prospektus hanya akan dibuat selepas menerima borang permohonan yang dirujuk dan dilampirkan dalam prospektus. Pelabur diingatkan bahawa terdapat yuran dan caj yang dikenakan dalam pembelian unit amanah. Pelabur dinasihatkan agar mempertimbangkan yuran dan caj berkenaan sebelum melabur dan merujuk dengan penasihat kewangan berlesen atau profesional mereka jika ada keraguan mengenai sebarang ciri atau jenis dana. Sila ambil perhatian bahawa harga unit dan agihan yang dibayar, jika ada, boleh naik atau turun. Prestasi lampau bukan indikasi prestasi masa hadapan. Pulangan ke atas pelaburan unit amanah tidak dijamin dan unit amanah tidak membentuk deposit bank atau tanggungjawab HLB dan ianya tidak dijamin atau diinsuranskan oleh HLB serta ia tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan amaun prinsipal yang dilaburkan. Skim unit amanah dan unit-unit di dalam skim tersebut tidak diinsuranskan oleh **Perbadanan Insurans Deposit Malaysia** ("**PIDM**"), dan sebarang wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans untuk tujuan pembelian mana-mana unit dalam skim unit amanah tidak diinsuranskan oleh PIDM.

40. Semua terma dan syarat dan peraturan sedia ada yang mengawal FRNID terpilih di bawah Pelaburan Terpilih akan dikenakan. Terma dan syarat yang mengawal FRNID terpilih yang diperincikan dalam Helaian Terma dan Helaian Pendedahan Produk berkenaan adalah tertakluk kepada Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk seperti yang dipinda dari semasa ke semasa dan apa-apa garis panduan dan peraturan lain berkenaan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan dari semasa ke semasa.

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:
PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:
PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

**Notis Penting**: Pelanggan HLB tidak dilindungi oleh dana pampasan di bawah Bahagian IV Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Dana pampasan ini tidak meliputi Pelanggan HLB jika Pelanggan HLB mengalami kerugian kewangan akibat penyalahgunaan, atau penipuan salah guna wang dan harta lain, oleh pengarah, pegawai, kakitangan atau wakil HLB.

41. Promosi ini TIDAK sah terpakai bersama-sama promosi sedang berjalan yang ditawarkan oleh HLB dari semasa ke semasa.

42. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan HLB bersetuju:
    i. telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat di dalam ini;
    ii. semua rekod transaksi yang dirakamkan oleh sistem HLB dalam masa Tempoh Promosi dan senarai Pelanggan HLB adalah tepat dan muktamad;
    iii. keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan HLB dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani;
    iv. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Perbankan Prioriti, Terma dan Syarat Perbankan Persendirian, Perjanjian Perkhidmatan Pelaburan (jika berkenaan) dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu akan diutamakan setakat percanggahan tersebut; dan mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.

43. HLB berhak:
    i. menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, dengan memberi notis awal atas budi bicara HLB dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB;
    ii. melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan HLB atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap sesuai oleh HLB atas budi bicara mutlaknya daripada menyertai Promosi

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:
PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

44. Pelanggan HLB yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana perkhidmatan dan/atau kemudahan yang diberi oleh HLB / HLISB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi tidak layak menyertai Promosi.

45. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

46. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Senarai 1 : Dana Unit Amanah sertaan untuk pelanggan selain daripada PB

| No. | Code | Fund Name | Asset Type |
|---|---|---|---|
| 1 | AM03 | AmSchroder European Equity Alpha | Equity |
| 2 | AM10 | AmPrecious Metal | Equity |
| 3 | AM25 | AMASIA PACIFIC REITS | Equity |
| 4 | AM29 | AmTotal Return | Equity |
| 5 | AM30 | AmAsia Pacific Equity Income | Equity |
| 6 | AM33 | AmAsia Pacific REITs Plus | Equity |
| 7 | CIMB01 | CIMB-Principal Global Titans | Equity |
| 8 | CIMB03 | CIMB Islamic Asia Pacific Equity | Equity |
| 9 | CIMB04 | CIMB-Principal Greater China Equity | Equity |
| 10 | CIMB07 | CIMB-Principal China-India-Indonesia Eq | Equity |
| 11 | CIMB12 | CIMB Islamic Balanced | Mixed Asset |
| 12 | CIMB14 | CIMB Islamic Small Cap | Equity |
| 13 | CIMB29 | CIMB-Principal Asia Pacific Dynamic Inc | Equity |
| 14 | CIMB30 | CIMB-Principal Global Multi Asset Income | Mixed Asset |
| 15 | FTAM01 | Franklin US Opportunities MYR | Equity |
| 16 | FTAM02 | Templeton Global Equity A (MYR) | Equity |
| 17 | FTAM03 | Templeton Global Balanced A (MYR) | Mixed Asset |
| 18 | HLG01 | Hong Leong Growth | Equity |
| 19 | HLG02 | Hong Leong Penny Stock | Equity |
| 20 | HLG09 | Hong Leong Dana Makmur | Equity |
| 21 | HLG10A | Hong Leong Bond | Bond |
| 22 | HLG11 | Hong Leong Balanced | Mixed Asset |

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:
PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

| | | | |
|---|---|---|---|
| 23 | HLG12 | Hong Leong Dana Maarof | Mixed Asset |
| 24 | HLG14 | Hong Leong Dividend | Equity |
| 25 | HLG15 | Hong Leong Strategic | Equity |
| 26 | HLG24 | Hong Leong Asia-Pacific Income Plus | Income |
| 27 | HWA01 | Affin Hwang Select Opportunity | Equity |
| 28 | HWA03 | Affin Hwang Select Balanced | Mixed Asset |
| 29 | HWA07 | Affin Hwang Select Income | Income |
| 30 | HWA11 | Affin Hwang Sel AsaPac exJpn REITs&Infra | Equity |
| 31 | HWA17 | Affin Hwang Select AUD Income - MYR | Income |
| 32 | HWA18 | Affin Hwang Select Dividend | Equity |
| 33 | HWA25 | Affin Hwang Select Asia (ex Japan) Opp | Equity |
| 34 | HWA26 | Affin Hwang Select SGD Income - MYR | Income |
| 35 | HWA27 | Affin Hwang China Growth | Equity |
| 36 | HWA28 | Affin Hwang Japan Growth | Equity |
| 37 | OSK03 | RHB Kidsave Trust | Mixed Asset |
| 38 | OSK08 | RHB Dana Islam | Equity |
| 39 | OSK09 | RHB Smart Treasure | Equity |
| 40 | OSK10 | RHB Smart Balanced | Mixed Asset |
| 41 | OSK12 | RHB Growth & Income Focus | Mixed Asset |
| 42 | OSK23 | RHB Big Cap China Enterprise | Equity |
| 43 | OSK31 | RHB Gold and General | Equity |
| 44 | OSK34 | RHB US Focus Equity | Equity |
| 45 | OSK40 | RHB Multi Asset Regular Income Fund | Mixed Asset |
| 46 | RHB42 | RHB GS US Equity Fund | Equity |
| 47 | OSK43 | RHB Asian Income Fund | Income |
| 48 | OSK45 | RHB GoldenLife 2020 | Mixed Asset |
| 49 | OSK46 | RHB GoldenLife 2030 | Equity |
| 50 | PRU01 | Eastspring Investments Small-cap | Equity |
| 51 | PRU03 | Eastspring Investments Balanced | Mixed Asset |
| 52 | PRU05 | Eastspring Investments dana al-ilham | Equity |
| 53 | PRU07 | Eastspring Inv Asia Pacific Equity MY | Equity |
| 54 | PRU09 | Eastspring Inv Asia Select Income | Equity |
| 55 | PRU10 | Eastspring Investments Equity Income | Equity |
| 56 | PRU11 | Eastspring Investments Global Leaders MY | Equity |
| 57 | PRU23 | Eastspring Investments MY Focus | Equity |

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:
PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM

| | | | |
|---|---|---|---|
| 58 | PRU30 | Eastspring Investments ASEAN al-Adiil | Mixed Asset |
| 59 | TA02 | TA South East Asia Equity | Equity |
| 60 | TA03 | TA European Equity | Equity |
| 61 | TA04 | TA Asian Dividend Income | Equity |
| 62 | TA05 | TA Global Technology | Equity |

KENYATAAN AMARAN/NOTIS PENTING MENGENAI FRNID

AMARAN:
PRODUK INI ADALAH PRINSIPALNYA DIJAMIN OLEH BANK PENERBIT APABILA MATANG SAHAJA. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA AMAUN DEPOSIT AWAL. PULANGAN ATAS PRODUK INI TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PIDM